



Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/12-2 (36)
Tarikh : 20 September 2024

Pengarah
Hospital Banting
Jalan Sultan Alam Shah
42700 BANTING
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN OGOS 2024

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2023** telah menggariskan **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan akaun deposit Kerajaan Persekutuan** bagi memastikan pengurusan akaun deposit kerajaan diperakaunkan dengan betul dan tepat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Terimaan** adalah seperti pada **Lampiran A, SPANM Bil. 1 Tahun 2023** dan **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Bayaran** adalah seperti pada **Lampiran B, SPANM Bil. 1 Tahun 2023**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ Tuan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Deposit Bulanan kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada **14 September 2024**. Pihak Tuan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon
Puan Norsuzila binti Misbah	03-5520 5270
Puan Thilagavathi a/p Bala Subramaniam	03-5520 5312

5. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(**SHAHNAZ BIN ABD SALAM** C.A.(M), CPA(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
No. Tel : 03-55205201
E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my

Lien/Drive-SPB2024-Deposit-Surat Peringatan